

# EURYTHMIC TABLET 200 MG

Amiodarone 200 mg

## Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan EURYTHMIC
2. Bagaimana EURYTHMIC berfungsi
3. Sebelum menggunakan EURYTHMIC
4. Cara menggunakan EURYTHMIC
5. Semasa menggunakan EURYTHMIC
6. Kesan-sesan sampingan
7. Cara penyimpanan dan pelupusan EURYTHMIC
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh kemaskini RiMUP

## Apakah kegunaan EURYTHMIC

EURYTHMIC digunakan untuk:

- Rawatan degupan jantung tidak teratur di mana ubat lain tidak dapat berfungsi atau tidak boleh digunakan.
- Rawatan penyakit yang dipanggil *Wolff-Parkinson-White Syndrome*, iaitu jantung berdegup cepat luar biasa.
- Rawatan degupan jantung yang cepat atau tidak teratur yang dikenali sebagai *atrial flutter* atau *atrial fibrillation*.
- Rawatan degupan jantung cepat yang boleh berlaku tiba-tiba dan mungkin tidak teratur.

## Bagaimana EURYTHMIC berfungsi

Ia berfungsi dengan mengawal degupan jantung tidak teratur (yang dipanggil aritmia). Penggunaan ubat ini membantu degupan jantung kembali normal.

## Sebelum menggunakan EURYTHMIC

### Bila tidak boleh menggunakan

Jangan menggunakan EURYTHMIC:

- Jika anda mengalami reaksi hipersensitif atau alergik terhadap amiodarone atau mana-mana bahan kandungan EURYTHMIC.

- Jika anda mempunyai masalah jantung tertentu, termasuk yang boleh menyebabkan anda pengsan.
- Jika anda memiliki perentak jantung, doktor anda mungkin membenarkan anda menggunakan ubat ini.
- Jika anda menghadapi atau pernah menghadapi sebarang masalah tiroid atau kejutan.
- Jika anda sedang mengambil ubat lain, maklumkan doktor sebelum mula menggunakan amiodarone.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput yang tercetak pada pek.

### Mengandung dan menyusukan anak

Jangan ambil EURYTHMIC jika anda mengandung, sedang merancang untuk mengandung atau mungkin mengandung.

Jangan ambil EURYTHMIC jika anda menyusukan anak. Dapatkan nasihat doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil sebarang ubat.

### Sebelum mula menggunakan

Amiodarone mengandungi iodin. Beritahu doktor anda jika anda alergik kepada iodin atau jika anda akan menjalani ujian fungsi tiroid, kerana keputusan ujian tersebut boleh terjejas.

Beritahu doktor jika anda alergik terhadap sebarang ubat dan mengalami apa-apa penyakit perubatan terutamanya masalah tekanan darah, masalah hati, masalah pernafasan atau paru-paru. Sekiranya anda belum memberitahu doktor anda mengenai mana-mana di atas, sila beritahu beliau sebelum mula menggunakan EURYTHMIC.

### Jika mengambil ubat-ubat lain

Beritahu doktor anda jika anda mengambil mana-mana ubat yang berikut:

- Ubat anti-aritmia yang lain
- *Beta-blockers* (untuk tekanan darah tinggi, kegagalan jantung atau pencegahan migrain)
- penghalang saluran kalsium *verapamil* dan *diltiazem* (untuk tekanan darah tinggi atau angina)
- Julap yang merangsang (untuk sembelit)
- Diuretik (untuk tekanan darah tinggi)
- Kortikosteroid (ubat anti-radang untuk *arthritis*, asma atau alahan.)
- Antikoagulan yang diambil melalui mulut (ubat pencair darah)
- *Digoxin* (untuk kegagalan jantung)
- *Phenytoin* (ubat penyakit sawan)
- *Cyclosporine* (ubat penyakit autoimun)

Beritahu doktor jika anda menggunakan sebarang ubat lain, termasuk ubat yang dibeli tanpa preskripsi dari farmasi, pasar raya atau kedai makanan kesihatan. Sesetengah ubat apabila bergabung dengan amiodarone boleh menyebabkan masalah jantung. Ubat lain dan amiodarone boleh mengganggu satu sama lain.

Sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi anda untuk senarai yang lebih lengkap dan terperinci untuk ubat-ubatan yang mungkin mengganggu amiodarone apabila diambil bersama-sama.

## Cara menggunakan EURYTHMIC

### Berapa banyak harus digunakan

Penstabilan awal: Dos biasa ialah 600 mg sehari dan boleh diteruskan selama 8-10 hari.

Penyelenggaraan: Dos biasa minimum yang berkesan harus digunakan mengikut respons individu. Ia mungkin dalam lingkungan 100-400 mg sehari. EURYTHMIC boleh diberi secara selang sehari (200 mg boleh diberi setiap selang hari).

Ikut arahan doktor atau ahli farmasi dengan teliti. Ia mungkin berbeza

# EURYTHMIC TABLET 200 MG

Amiodarone 200 mg

daripada maklumat pada risalah ini. Jika anda tidak memahami arahan pada label ubat anda, sila rujuk kepada doktor atau ahli farmasi.

## - Bila perlu digunakan

Ambil ubat pada masa yang hampir sama setiap hari, contohnya kaitkan dengan waktu makan. Penggunaan ubat pada masa yang sama setiap hari akan mendatangkan kesan terbaik. Ia juga akan membantu anda mengingati waktu pengambilan ubat. Ambil ubat anda mengikut arahan doktor atau ahli farmasi.

## - Berapa lama perlu digunakan

Teruskan penggunaan EURYTHMIC untuk tempoh masa yang ditetapkan oleh doktor anda. Jika anda berhenti mengambil ubat ini, degupan jantung anda yang tidak teratur mungkin kembali. Ini boleh menjadi berbahaya.

## - Jika terlupa menggunakan

Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi tentang apa yang perlu dilakukan jika anda terlupa menggunakan ubat ini. Ambil dos yang terlepas sebaik sahaja anda teringat. Sekiranya sudah hampir masa untuk dos seterusnya, abaikan dos terlepas dan tunggu untuk mengambil dos seterusnya pada masa biasa. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang tertinggal.

## - Jika mengambil berlebihan (Terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika terambil dos berlebihan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang tanda ketidaksesuaian atau keracunan. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera. Pengambilan ubat ini secara berlebihan mungkin menyebabkan degupan jantung perlahan atau cepat.

## Semasa menggunakan EURYTHMIC

### - Perkara yang perlu dilakukan

Ambil ubat anda mengikut arahan doktor. Maklumkan semua doktor, doktor gigi dan ahli farmasi yang merawat anda bahawa anda sedang menggunakan EURYTHMIC. Beritahu doktor anda dengan segera jika anda menjadi hamil semasa menggunakan ubat ini.

### - Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan berhenti menggunakan ubat ini kecuali diarahkan oleh doktor anda. Penggunaan ubat ini tidak akan membentuk tabiat, tetapi berhenti secara tiba-tiba boleh bermakna penyakit anda tidak lagi terkawal. Jangan berkongsi EURYTHMIC dengan sesiapa, walaupun mereka mempunyai simptom atau penyakit yang sama. Jangan mula mengambil sebarang ubat baru tanpa berbincang dengan doktor anda.

### - Perkara yang perlu diberi perhatian

Ubat ini mungkin mengganggu keupayaan anda untuk memandu atau menggunakan jentera. Jika penglihatan kabur berlaku, jangan memandu atau menggunakan jentera dan hubungi doktor anda dengan segera.

Amiodarone mengandungi iodin. Beritahu doktor anda jika anda alergik kepada iodin atau jika anda akan menjalani ujian fungsi tiroid, kerana keputusan ujian tersebut boleh terjejas.

## Kesan-sesan sampingan

Seperti ubat-ubat lain, EURYTHMIC boleh menyebabkan kesan sampingan, walaupun bukan semua orang mengalaminya. Jumpa doktor atau ahli farmasi anda dengan segera jika anda mengalami mana-mana kesan berikut selepas mengambil ubat ini:

- Masalah tiroid - paras hormon tiroid yang tinggi atau rendah boleh berlaku. Simptom paras

hormon tiroid yang rendah termasuk peningkatan berat badan, penurunan kadar aktiviti, dan kadar jantung yang perlahan bersamaan dengan kesan yang dijangkakan disebabkan amiodarone. Penurunan berat badan, kemunculan kadar jantung yang cepat, sakit dada dan kegagalan jantung kongestif untuk paras hormon tiroid yang tinggi.

- Gangguan penglihatan seperti penglihatan berkabus, *halo* yang berwarna, kabur atau penglihatan yang merosot.
- *Photosensitisation* (sensitiviti kulit kepada sinaran UV)
- Pigmentasi kebiruan atau kekelabuan pada kulit
- Kesukaran bernafas
- *Bradycardia* (Denyutan jantung terlampau perlahan)
- Rasa mual dan/ atau muntah.

Kesan sampingan yang tidak tersenarai di atas boleh juga berlaku pada sesetengah pesakit. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi untuk maklumat lanjut.

Jangan terkejut dengan senarai kesan sampingan ini. Anda mungkin tidak akan mengalami sebarangnya.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web [portal.bpfk.gov.my](http://portal.bpfk.gov.my) (*Consumers → Reporting*).

## Cara penyimpanan dan pelupusan EURYTHMIC

### - Penyimpanan

Jauhkan semua ubat daripada kanak-kanak. Simpan di bawah suhu 25°C di tempat yang kering, dilindungi daripada cahaya.

# **EURYTHMIC TABLET 200 MG**

Amiodarone 200 mg

---

## *- Pelupusan*

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

## **Maklumat lanjut**

### *- Rupa dan warna produk*

Tablet berwarna putih atau seolah-olah putih, bulat, rata, tepinya serong tidak bersalut dan mempunyai garisan putus pada sebelah permukaan.

### *- Bahan-bahan kandungan*

- Bahan aktif  
Amiodarone
- Bahan tidak aktif  
*Crospovidone, Lactose,  
Microcrystalline Cellulose,  
Polyvinyl Pyrrolidone (k 30),  
Isopropyl Alcohol, Colloidal  
Silicon Dioxide, Magnesium  
Stearate*

### *- Nombor MAL:*

MAL10080068AZ

## **Pengilang**

Troikaa Pharmaceuticals Ltd.  
Thol - 382 728, Gujarat, India

## **Pemegang Pendaftaran Produk**

Medispec (M) Sdn Bhd (137156-U)  
No.55&57, Lorong Sempadan 2,  
(Off Boundary Road),  
11400 Ayer Itam, Penang, Malaysia.

## **Tarikh kemas kini RiMUP**

28/04/2015

## **Nombor Siri**

BPK(R4/1)280415/00086